

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015

SOALAN :

**YB. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) jumlah pelancong dari China dan peratusnya daripada jumlah pelancong ke Malaysia setiap tahun untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan sehingga 30 September 2015; dan
- (b) jumlah pelancong dari India dan peratusnya daripada jumlah pelancong ke Malaysia setiap tahun untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan sehingga 30 September 2015.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah ketibaan pelancong asing dari Republik Rakyat China (RRC) bagi tahun 2010 hingga tahun 2015 (Januari hingga Jun) serta peratusannya berbanding dengan kedatangan pelancong asing yang lain adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Ketibaan	Peratus (%)
2010	1,130,261	4.6%
2011	1,250,536	5.1%
2012	1,558,785	6.2%
2013	1,791,423	7.0%
2014	1,613,355	5.9%
2015 (Januari hingga Jun)	751,383	6.0 %

Jumlah ketibaan pelancong asing dari India bagi tahun 2010 hingga tahun 2015 (Januari hingga Jun) serta peratusannya berbanding dengan kedatangan pelancong asing yang lain adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Ketibaan	Peratus (%)
2010	690,849	2.8%
2011	693,056	2.8%
2012	691,271	2.8%
2013	650,989	2.5%
2014	770,108	2.8%
2015 (Januari hingga Jun)	378,654	3.0%

Sekian, terima kasih.